



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Garis Panduan **PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK BAKAL GURU: PERKASA MULUT SIHAT (bGEMS)**



BAKAL GURU PERKASA MULUT SIHAT

Garis Panduan

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
UNTUK BAKAL GURU:
PERKASA MULUT SIHAT
(bGEMS)**

Edisi Ketiga 2022

@ Program Kesihatan Pergigian KKM

e ISBN 978-629-98561-7-7

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit.

Pengkatalogan

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - dalam - penerbitan Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Untuk Bakal Guru : Perkasa Mulut Sihat (bGEMS)
ISBN

Diterbitkan oleh

Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya
Tel : 603 - 8883 4215
Laman web : <http://hq.moh.gov.my/ohd>
Facebook : www.facebook.com/pergigiankkm
Instagram : @pergigiankkm
Twitter : @KKM_PERGIGIAN

Cadangan penulisan rujukan

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Pergigian. Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Untuk Bakal Guru : Perkasa Mulut Sihat (bGEMS). Disember 2022

Prakata

**PENGARAH KANAN (KESIHATAN PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



Guru memainkan peranan penting dalam membimbing dan mendidik pelajar di alam persekolahan termasuklah pendidikan mengenai kesihatan. Para guru yang mempunyai pengetahuan mengenai kesihatan pergigian dapat membantu memberi sumbangan dalam meningkatkan tahap kesihatan pergigian pelajar sekolah. Sejak tahun 1991 lagi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan program kesihatan pergigian yang melibatkan bakal guru di semua Maktab dan Institusi Perguruan di Malaysia bagi mempersiapkan bakal guru dengan pengetahuan asas kesihatan pergigian agar mereka dapat berperanan dalam menerapkan pengetahuan yang telah mereka perolehi kepada para pelajar sekolah kelak.

Kolaborasi strategik antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan diteruskan dengan mengambil kira perubahan dan keperluan semasa di mana program kesihatan pergigian kepada bakal guru akan dikenali selepas ini sebagai Program Kesihatan Pergigian untuk Bakal Guru : Perkasa Mulut Sihat atau bGEMS yang diharapkan dapat memperkasakan bakal guru dengan kemahiran asas kesihatan pergigian dan menggalakkan bakal guru untuk membimbing pelajar sekolah ke arah cara hidup sihat terutamanya amalan kesihatan pergigian yang baik. Di antara perubahan yang terdapat dalam edisi ketiga ini adalah pelaksanaan aktiviti telah dipelbagaikan supaya lebih menarik, kaedah penilaian jangka pendek sebelum dan selepas aktiviti juga akan menggunakan soal selidik yang baharu agar keberkesanan pelaksanaan program ini dapat diukur dengan lebih jitu.

Kesedaran dan kesediaan para guru untuk turut berperanan dalam usaha mempromosikan kesihatan pergigian di sekolah amatlah mempengaruhi keberhasilan program. Oleh yang demikian, kerjasama yang padu dari semua pihak berkepentingan termasuk para guru, pihak sekolah dan ibu bapa yang sedia ada perlu diperkukuhkan lagi bagi memastikan program ini memberi manfaat kepada semua pihak, seterusnya dapat meningkatkan taraf kesihatan pergigian pelajar sekolah khususnya dan masyarakat amnya.

DR. NOORMI BINTI OTHMAN

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Prakata

**REKTOR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



Assalamualaikum dan salam Sejahtera salam Malaysia Madani

Tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa yang telah berjaya menerbitkan Buku Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Untuk Bakal Guru: Perkasa Mulut Sihat di bawah Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Terbitnya buku ini sekaligus boleh menjadi panduan kepada bakal-bakal guru dalam pelaksanaan Program Kesihatan Pergigian di 27 buah kampus Institut Pendidikan Guru.

Kesihatan amat penting kepada seluruh rakyat Malaysia. Tidak salah kalau dikatakan bahawa kesihatan yang baik itu bermula daripada mulut dan melalui pemakanan. Rakyat Malaysia perlu didedahkan dengan pengurusan kesihatan yang betul terutama kesihatan mulut dan gigi bermula daripada kanak-kanak. Bagi merealisasikan hasrat tersebut maka tepatlah usaha Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menerbitkan buku panduan ini. Ia diharapkan dapat mengubah persepsi rakyat Malaysia terutamanya tentang kegusaran mereka untuk berjumpa doktor gigi apabila mereka telah didik tentang keperluan dan kepentingan menjaga kesihatan gigi bermula daripada kanak-kanak.

Bakal-bakal guru seharusnya memperoleh ilmu dari semua sumber sebelum ditempatkan. Ilmu dan pengetahuan tersebut tidak semestinya diperolehi dari satu sumber malahan dari pelbagai sumber. Di IPG, usaha-usaha memperolehi ilmu ini tidak terhad kepada apa yang terkandung di dalam sukatan kurikulum malahan kami sentiasa berhubung rapat dengan pelbagai agensi bagi memberikan ilmu yang bersesuaian untuk menyediakan bakal guru yang berpengetahuan, komited dan berdedikasi agar ia boleh digunakan oleh bakal-bakal guru ini ditempatkan apabila tamat pengajian kelak.

Sehubungan itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia sentiasa komited dan akan menyokong usaha-usaha Kementerian Kesihatan dalam melahirkan Masyarakat Malaysia yang sihat dan cergas. Moga buku panduan ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin oleh para pensyarah dan bakal guru yang akan menerapkan isi kandungannya kepada murid-murid.

Sekian.

DR. ROSLI BIN YACOB

Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penghargaan

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa kerja yang terlibat dalam membangunkan Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Untuk Bakal Guru : Perkasa Mulut Sihat (bGEMS).

JAWATANKUASA KERJA

PENASIHAT

Dr. Noormi binti Othman

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGERUSI

Dr. Natifah binti Che Salleh

Pengarah Bahagian Penjagaan
Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Fauziah binti Ahmad (Sehingga Jun 2022)

Mantan Pengarah Bahagian Penjagaan
Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENYELARAS KEBANGSAAN

Dr. Jamaliah binti Omar

Pakar Pergigian (Kesihatan Awam)
Timbalan Pengarah
Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian Kementerian
Kesihatan Malaysia

Dr. Salleh bin Zakaria (Sehingga April 2022)

Pakar Pergigian (Kesihatan Awam) Mantan
Timbalan Pengarah
Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian Kementerian
Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dr. Wan Salina binti Wan Sulaiman

Pakar Pergigian (Kesihatan Awam)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pergigian)
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Dr. Thaddius Herman Anak Maling

Pakar Pergigian (Kesihatan Awam)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pergigian)
Jabatan Kesihatan
Wilayah Persekutuan Labuan

Dr. Enny Esdayantey binti Abdul Manab

Pakar Pergigian (Kesihatan Awam)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Pejabat Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri (Pergigian) Pulau Pinang

Dr. Siti Zunaini binti Daud

Pegawai Pergigian
Klinik Pergigian Hospital Bahagia Ulu Kinta,
Perak

Dr. Abdullah bin Ahmad Sharifuddin

Pegawai Pergigian
Klinik Pergigian Bandar Maharani Muar,
Johor

Dr. Tan Ching Shyan

Pegawai Pergigian
Klinik Pergigian Bandar Maharani Muar,
Johor

Dr. Muhammad Adib bin Jamil

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Norazizah Binti Nordin

Mantan Penyelia Juruterapi Pergigian
Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Siti Zainaliza Binti Hashim

Juruterapi Pergigian Kanan
Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

En. Mohd Sallehuddin bin Abu Hassan

Penolong Pengarah
Jabatan Pembangunan Insaniah
Pusat Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Zalela binti Abd Aziz

Pensyarah
Institut Pendidikan Guru (IPG)
Kampus Perempuan Melayu, Melaka

En. Mohamad Fauzi bin Hassan

Pensyarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu

En. Saiful Bahrin bin Husaini

Pensyarah
Institut Pendidikan Guru (IPG)
Kampus Pendidikan Islam, Selangor

En. Muhd Rasul bin Ali

Pensyarah
Institut Pendidikan Guru (IPG)
Kampus Pulau Pinang, Pulau Pinang

En. Syed Mohd Hashim bin Syed Ismail

Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG)
Kampus Ipoh, Perak

Isi Kandungan

PRAKATA	i
PENGHARGAAN DAN JAWATANKUASA KERJA GARIS PANDUAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK BAKAL GURU : PERKASA MULUT SIHAT (bGEMS)	iii
SINGKATAN	vi
SENARAI LAMPIRAN	vii
1. PENGENALAN	1
2. LATAR BELAKANG	2
3. TINJAUAN LITERATUR	3
4. RASIONAL	5
5. SKOP	6
6. OBJEKTIF	6
6.1. Objektif Umum	
6.2. Objektif Khusus	
7. STRATEGI	6
8. PELAKSANAAN PROGRAM	7
8.1. Perancangan Aktiviti	
8.2. Pelaksanaan Aktiviti	
8.2.1. Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.2. Pemeriksaan Kesihatan Pergigian	
8.2.3. Pameran/ <i>Showcase</i>	
8.2.4. Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)	
8.2.5. Bengkel Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	
8.2.6. Pertandingan Video Pendek/ Tik Tok Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.7. Simulasi/ Penceritaan/ Sketsa Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.8. Kuiz Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.9. Buku Skrap/ Portfolio Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.10. <i>Modelling</i> Pendidikan Kesihatan Pergigian	
8.2.11. Aktiviti <i>Orienteering</i> Pendidikan Kesihatan Pergigian	
9. PEMANTAUAN PROGRAM	11
9.1. Sebelum Pelaksanaan	
9.2. Selepas Pelaksanaan	
10. PENILAIAN PROGRAM	12
11. KESIMPULAN	13
LAMPIRAN	15

Singkatan

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
HEP IPGM	Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
PKP	Pendidikan Kesihatan Pergigian
PPKA	Pakar/ Pegawai Pergigian-Kesihatan Awam
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PDPP	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan
PPC	Program Pelajar Cemerlang Program Diploma Perguruan Malaysia- Mod Kursus Dalam Cuti
PDPM-Mod KDC LMG	Latihan Memberus Gigi

Senarai Lampiran

LAMPIRAN	KOD BORANG	TAJUK LAMPIRAN	MUKA SURAT
Lampiran 1		Pelaksanaan Program Kesihatan Pergigian untuk Pelajar IPGK	16
Lampiran 2		Cadangan Jadual Pelaksanaan Program Kesihatan Pergigian untuk Pelajar IPGK (Institut Pendidikan Guru Kampus)	20
Lampiran 3	PBG- 01	Perancangan Program Kesihatan Pergigian Di IPGK	21
Lampiran 4		Panduan Penyediaan Persembahan Slaid <i>Power Point</i>	22
Lampiran 5	PBG- 02	Borang Kaji Selidik untuk Pelajar IPG Sebelum dan Selepas Aktiviti Program Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)	28
Lampiran 6	Young Adult Pin.1/2023	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pergigian untuk Pelajar IPGK (Summary Data dari L.P.8 Kad Rawatan Komuniti menggunakan borang Laporan Bulanan untuk Daerah / Negeri bagi Rawatan Pergigian Dewasa Muda)	34
Lampiran 7	PBG- 04	Borang Pemarkahan Persembahan RPH (<i>Micro-Teaching</i>)	35
Lampiran 8	PBG-05	Laporan Program Kesihatan Pergigian di IPGK	36
Lampiran 9	PBG-06	Tinjauan Penerapan Kesihatan Pergigian di Sekolah ke atas Guru Lepas dari Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)	37

Pengenalan

Kanak-kanak menghabiskan sebahagian besar dari masa mereka di sekolah dan pada masa inilah tabiat mereka akan terbentuk. Pendidikan kesihatan pergigian kepada mereka perlu dilaksanakan pada ketika ini dan perkara tersebut telah diketahui semenjak tahun 1887 lagi. Ia menyebabkan peranan guru menjadi sangat kritikal, terutamanya pada masa kini¹.

Guru memainkan peranan penting untuk melahirkan murid dan masyarakat sekolah yang sihat dan produktif ke arah pencapaian wawasan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan². Guru telah diakui dari segi saintifik dan sosial tentang pengaruh mereka yang bukan sahaja dapat merangsang tabiat yang baik tetapi juga mempromosikan kesihatan secara keseluruhan³.

Peranan guru penting dalam promosi kesihatan pergigian kerana selalunya sekolah mempunyai prasarana dan persekitaran yang sesuai dan kondusif untuk mendedahkan murid kepada amalan kesihatan pergigian yang baik. Guru-guru juga boleh memanfaatkan masa bersama pelajar untuk mempromosikan aktiviti penjagaan kesihatan pergigian secara harian. Guru dapat berperanan dalam memberi tunjuk ajar dan kemahiran berkaitan penjagaan kesihatan pergigian dan juga dapat membantu dalam pengesanan awal penyakit pergigian. Mereka juga dapat membuat rujukan ke klinik dengan lebih cepat yang akhirnya membolehkan pelajar mempunyai kesihatan mulut yang baik bila dewasa. Jadi, sangatlah penting untuk guru mempunyai pengetahuan berkaitan dengan kesihatan mulut yang mencukupi bagi memainkan peranan tersebut⁴.

Beberapa kajian yang dijalankan di luar negara menunjukkan guru mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan kesihatan pergigian di sekolah dan bersetuju untuk terlibat dalam promosi kesihatan pergigian³. Kajian di kalangan guru prasekolah di Malaysia menunjukkan sejumlah besar guru (87.6%) bersedia untuk menerapkan mesej kesihatan pergigian dalam pengajaran mereka sekerap mungkin⁵. Bagaimanapun, hasil kajian lain menunjukkan tidak semua guru berupaya menjalankan atau memberikan maklumat kepada murid atau masyarakat berkaitan dengan kesihatan pergigian. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan dalam pengetahuan mereka berkaitan perkara tersebut³.

¹ Prabhadevi C Maganur, V Satish, Nikhil Marwah, TD Vishwas, MC Dayanand. Knowledge, Attitudes, and Practices of School Teachers toward Oral Health in Davangere, India. *International Journal of Clinical Pediatric Dentistry*, January-March 2017;10(1):89-95

² <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>. Retrieved 17.8.2021.

³ Ankita Mota, Kunal C. Oswal, Dipti A. Sajjani, Anand K. Sajjani. Oral Health Knowledge, Attitude, and Approaches of Pre-Primary and Primary School Teachers in Mumbai, India. <https://doi.org/10.1155/2016/5967427>

⁴ Mohammad Aljanakh, Dr. Ammar Ahmed Siddiqui, Dr. Asaad Javaid Mirza. Teachers' knowledge about oral health and their interest in oral health education in Hail, Saudi Arabia. *International Journal of Health Sciences*, Qassim University, Vol. 10, No. 1 (Jan-Mar 2016)

⁵ Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. National Oral Health Survey of Preschoolchildren 2015 (NOHPS 2015). Vol II.

Justeru itu, bakal guru perlu dilengkapi dengan maklumat kesihatan pergigian yang tepat dan spesifik untuk menggalakkan sumbangan yang berkesan ke arah ini. Program kesihatan pergigian untuk bakal guru adalah bersesuaian dan bertepatan dengan peranan guru dalam pembentukan dan perkembangan murid-murid di alam persekolahan. Satu garis panduan pelaksanaan program ini telah dikeluarkan pada tahun 2011 oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0

Latar belakang

Pada tahun 1948, perkhidmatan pergigian untuk murid-murid sekolah telah dilancarkan berikutan status bilangan kanak-kanak Tanah Melayu di bawah umur 18 tahun merangkumi 50 peratus populasi dan mempunyai status kesihatan mulut yang membimbangkan. Pada waktu tersebut, Kementerian Kesihatan telah mula mengatur pelbagai program untuk kesihatan pergigian murid sekolah.

Bagi memperkemaskan program kesihatan pergigian murid sekolah, guru-guru hendaklah diberi pendedahan berkaitan perkara tersebut. Menyedari perkara ini, bermula daripada 30 Januari 1989, perancangan bagi melaksanakan program kesihatan pergigian untuk bakal guru di Maktab Perguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dimulakan. Seramai 31 orang pensyarah Maktab Perguruan serta '*core personel*' dari Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia merancang pelaksanaan komponen Pendidikan Kesihatan Pergigian (PKP) sedia ada untuk diserapkan ke dalam sukatan mata pelajaran kurikulum untuk guru pelatih di Maktab Perguruan. Seterusnya, pada 5-8 November 1990, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjayakan Bengkel Pendidikan Kesihatan Pergigian untuk pensyarah Institut Pendidikan Guru di Pulau Pinang. Sebagai susulan pula, satu projek perintis program pergigian untuk guru pelatih telah dijalankan di Johor Bahru. Rentetan daripada program-program tersebut, pada tahun 1991 program ini dilancarkan di semua Maktab Perguruan seluruh Malaysia.

Pada tahun 1996, Mesyuarat dan Bengkel Penilaian Program Kesihatan Pergigian Pelajar Institut/ Maktab Perguruan Malaysia yang melibatkan pensyarah maktab dan Pakar Pergigian Kesihatan Awam (PPKA) telah diadakan untuk menilai dan mengkaji semula program ini. Bengkel ini telah merumuskan kelemahan dan kekuatan program serta menggariskan satu rangka pelaksanaan sebagai panduan pengendalian program ini. Objektif am dan spesifik yang telah digariskan serta aktiviti-aktiviti yang dirancang harus disampaikan kepada semua personel pergigian dan pendidikan yang tertentu.

Pada tahun 2011, Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan buku Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Untuk Guru Pelatih sebagai panduan kepada pelaksanaan program ini agar dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Selaras dengan perubahan Maktab Perguruan ke Institut Pendidikan Guru yang dulunya melahirkan guru sekolah rendah berkelulusan Sijil Perguruan ke Ijazah Sarjana Muda Pendidikan mulai tahun 2015, pihak berkepentingan telah membuat keputusan untuk mengemaskini buku panduan tersebut bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

Program usaha sama diantara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia diteruskan sehingga kini bagi memastikan kesinambungan kepada Rancangan Kesihatan Sekolah yang telah dimulakan pada tahun 1967 dan Program Bersepadu Sekolah Sihat pada tahun 1996 yang kini bernaung di bawah Program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan). Untuk menambah baik garis panduan tersebut agar ianya relevan dengan keadaan semasa, satu bengkel telah dianjurkan pada tahun 2018 untuk menilai garis panduan sedia ada dan telah dipersetujui.

3.0

Tinjauan Literatur

Kesihatan oral merupakan komponen penting bagi kesihatan manusia yang mempengaruhi kesihatan keseluruhan dan juga kualiti hidup seseorang. Ianya dapat mempengaruhi fizikal, sosial, kesihatan mental, keterampilan dan hubungan antara manusia⁶. Kepentingan untuk menanamkan pengetahuan berkaitan kesihatan oral kepada bayi, kanak-kanak prasekolah dan sekolah telah diketahui seawal tahun 1800¹.

Menurut *WHO's Global School Health Initiative* yang dilancarkan pada tahun 1995, sekolah merupakan satu institusi yang mempunyai persekitaran yang sihat untuk belajar, hidup dan bekerja. Sekolah adalah platform yang penting dalam mempromosikan kesihatan oral kerana pelajar menghabiskan sebahagian besar dari masa aktif mereka di sekolah dan lebih 1 billion pelajar sekolah dapat dicapai diseluruh dunia⁶. Prasekolah dan sekolah rendah mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam mempengaruhi tabiat bagi kesihatan kanak-kanak kerana tabiat kanak-kanak mula terbentuk pada fasa ini. Semasa di sekolah menengah pula, pelajar bukan sahaja mengalami perubahan dari segi fizikal dan hormonal, tetapi juga dari segi pergaulan, di mana mereka lebih bebas untuk berkawan dan bergaul berbanding semasa sekolah rendah. Para pelajar sepatutnya diberi penerangan yang berterusan tentang kepentingan kesihatan dan kepentingan kesihatan mulut sebagai sebahagian dari kesihatan keseluruhan. Langkah-langkah bagi menjaga kesihatan mulut seperti pengurangan pengambilan gula dan lawatan berkala ke klinik pergigian akan memastikan kesihatan pergigian yang optimum. Mereka akan mendapat pengetahuan berkaitan ini jika perkara berkaitan kesihatan mulut disampaikan melalui pendidikan kesihatan bersama-sama kurikulum pendidikan oleh guru yang berpengetahuan dengan sikap dan amalan yang positif⁴.

⁶ Khurana C, Priya H, Kharbanda O P, Bhadauria US, Das D, Ravi P, Monica Dev D S. Effectiveness of an oral health training program for school teachers in India: An interventional study. J Edu Health Promot [serial online] 2020 [cited 2021 Aug 18];9:98. Available from: <https://www.jehp.net/text.asp?2020/9/1/98/283372>

Peranan guru sangat penting dan bermakna kerana mereka mempunyai pengaruh yang besar kepada pelajar dan keluarga mereka dalam mematuhi arahan penjagaan kesihatan pergigian. Guru boleh mendidik pelajar tentang pencegahan penyakit pergigian melalui pendidikan kesihatan. Di beberapa negara luar/lain, guru diberi latihan dan dapat menggunakan dengan berkesan peralatan pergigian untuk mengurangkan plak dan memperbaiki taraf kebersihan mulut pelajar. Langkah pencegahan ini bukan sahaja dapat mengelakkan masalah ketakutan pelajar menjalani rawatan pergigian, tetapi juga mengurangkan gangguan terhadap masa pembelajaran mereka⁴.

Kajian yang dijalankan di Arab Saudi untuk melihat kesesuaian guru sebagai promotor kesihatan telah menunjukkan 80-90% guru mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan dengan penyebab dan pencegahan penyakit karies gigi dan penyakit gusi, dan etiologi penyakit pergigian serta pencegahannya⁴ dan mengamalkan penjagaan kebersihan mulut yang baik serta menunjukkan minat untuk menjalankan promosi kesihatan pergigian di sekolah⁷. Beberapa kajian lain juga menunjukkan hasil yang serupa^{1,3,8}.

Di Malaysia, kajian yang dijalankan juga menemukan dapatan yang sama. Hasil dari Kajian Epidemiologi Kebangsaan bagi kanak-kanak prasekolah pada tahun 2015 menunjukkan majoriti guru prasekolah (99.7%) mempunyai pengetahuan kesihatan pergigian yang baik. Mereka juga mempunyai amalan kebersihan mulut yang baik (kecuali memflos gigi) dan mempunyai persepsi positif berkaitan dengan peranan guru dalam menjalankan promosi kesihatan pergigian⁵.

Bagaimanapun, terdapat juga kajian yang dijalankan mendapati hasil yang berlawanan. Kajian yang dijalankan di USA dikalangan bakal guru dan guru sekolah menengah mendapati pengetahuan guru dalam kesihatan pergigian tidak mencukupi dan tidak tepat. Mereka tidak mempunyai pengetahuan asas berkaitan kesihatan pergigian yang mencukupi. Hasil kajian yang sama turut diperolehi dalam kajian yang dijalankan di India yang menyimpulkan bahawa pengetahuan berkaitan kesihatan pergigian adalah rendah dikalangan guru yang dikaji⁹.

Kejayaan Program Kesihatan Sekolah amat bergantung kepada penglibatan para guru. Kesedaran dan kesanggupan para guru dalam usaha penggalakan kesihatan di sekolah amat mempengaruhi keberhasilan program ini. Bagi membolehkan guru berperanan dengan berkesan, mereka perlu diberi latihan yang mencukupi semasa mereka dalam latihan perguruan dan latihan yang berterusan semasa mereka bertugas.

⁷ M. S. Ahmad, "Oral health knowledge and attitude among primary school teachers of Madinah, Saudi Arabia," *The Journal of Contemporary Dental Practice*, vol. 16, no. 4, pp. 275–279, 2015.

⁸ Yilmaz, G.; Riad, A.; Krsek, M.; Kurt, H.; Attia, S. Oral Health-Related Knowledge, Attitudes and Behaviours of Elementary School Teachers. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2021, 18, 6028. <https://doi.org/10.3390/ijerph18116028>

⁹ Suresh U, Ganesh A, Rajkumar M, Archana B, Balaji S K, Sangeetha H. Oral health knowledge and practices among school teachers in rural and urban areas of Chennai, Tamil Nadu: A questionnaire survey. *J Indian Assoc Public Health Dent* [serial online] 2019 [cited 2021 Aug 18];17:80-4. Available from: <https://www.jiaphd.org/text.asp?2019/17/1/80/254335>

Latihan kesihatan pergigian untuk guru turut dilaksanakan di beberapa negara dalam usaha untuk menangani masalah kesihatan pergigian yang tinggi. Di India, latihan dijalankan bagi sekumpulan guru dengan harapan mereka dapat melatih pula guru-guru lain agar berupaya untuk merujuk pelajar yang mengalami masalah ke klinik pergigian yang sesuai. Kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan tentang kesihatan pergigian guru selepas latihan dijalankan⁶. Di Nigeria, kajian yang dijalankan di kalangan guru sekolah menengah menunjukkan guru dapat berperanan sebagai “*oral health educator*” yang berkesan dalam penyampaian mesej-mesej pergigian¹⁰.

Guru yang dilatih melalui kaedah penjagaan kebersihan mulut dapat membantu mempertingkatkan tahap kebersihan gigi kanak-kanak secara berterusan. Pendekatan ini merupakan kaedah yang efektif di dalam program kesihatan pergigian pelajar IPG. Guru-guru juga berpotensi bertindak sebagai agen perubahan dan *role model* kepada murid-murid mereka. Sehubungan itu, telah tiba masanya guru-guru diberi pendedahan dan maklumat yang tepat berhubung kesihatan pergigian serta lain-lain maklumat yang berkaitan dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan pergigian murid sekolah khususnya dan masyarakat amnya.

4.0

Rasional

Program Kesihatan Pergigian bagi bakal guru bertujuan untuk menanam kesedaran kepada para bakal guru mengenai kesihatan pergigian dan peranan yang boleh dimainkan oleh mereka dalam meningkatkan dan menggalakkan tahap kesihatan pergigian di kalangan murid-murid sekolah.

Pendedahan pelajar IPG dalam program kesihatan pergigian ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru yang menuntut/menggariskan keperluan agar mereka memiliki kualiti peribadi yang tinggi, bersikap profesional dan beretika untuk mereka menjadi seorang guru yang berkesan. Satu model konseptual pendidikan guru yang telah dibina menekankan kepentingan tiga aspek asas dalam pendidikan iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan, merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang. Salah satu objektif am kursus perguruan ialah memastikan pelajar IPG dapat mengetahui kepentingan cara hidup sihat dan penjagaan kesihatan serta berkeupayaan melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah dengan berkesan.

Pengetahuan yang diperolehi oleh para guru diharapkan dapat melahirkan individu yang sihat, aktif dan bertanggungjawab ke atas kesihatan pergigian diri sendiri. Guru yang bermaklumat dan berpengetahuan akan dapat memperkasakan murid-murid di bawah seliaan mereka tentang penjagaan kesihatan pergigian serta berupaya memikul tanggungjawab sosial mereka di dalam usaha menggalakkan tahap kesihatan pergigian murid-murid sekolah.

¹⁰ Edomwonyi AI, Adeniyi AA, Adedigba MA, Oyapero A. Use of teachers as agents of oral health education: Intervention study among public secondary school pupils in Lagos. J Family Med Prim Care [serial online] 2020 [cited 2021 Aug 18];9:2806-13. Available from: <https://www.jfmpc.com/text.asp?2020/9/6/2806/287828>

5.0

Skop

Garis panduan ini digunakan dalam pelaksanaan modul program kesihatan pergigian bagi pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menjalani kursus pra-perkhidmatan di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK). Pelaksanaan boleh juga diperluaskan ke kursus ijazah pendidikan di universiti yang sesuai.

6.0

Objektif

6.1 Objektif Am

Untuk memperkasakan bakal guru dalam memberi sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan mulut murid-murid di sekolah rendah dan menengah.

6.2 Objektif Spesifik

- a. Melatih bakal guru tentang kesihatan pergigian agar mereka dapat memberi sumbangan ke arah peningkatan kesihatan pergigian di kalangan murid sekolah kelak.
- b. Meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan kesihatan pergigian yang merangkumi maklumat asas kesihatan pergigian, pelaksanaan program perkhidmatan pergigian sekolah dan peranan guru dalam menjayakan program ini.
- c. Membina kemahiran dalam penjagaan dan amalan kesihatan pergigian yang baik.
- d. Menggalakkan bakal guru terlibat dalam penerapan unsur-unsur pendidikan kesihatan pergigian ke dalam kurikulum sekolah dan menggabungkan jalinan komponen kesihatan pergigian bersama program lain di sekolah menerusi penyediaan Rancangan Pelajaran Harian (RPH).

7.0

Strategi

Program Kesihatan Pergigian untuk pelajar di IPGK perlu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sumbangan dan usaha pihak sekolah terutamanya guru dalam mempromosikan kesihatan pergigian amat penting. Usaha-usaha ke arah ini perlu merangkumi aspek kesihatan, sosial dan persekitaran komuniti.

Untuk menjayakan program ini, strategi-strategi berikut perlu diambil:

- 7.1. Memberi maklumat yang tepat dan terkini tentang maklumat asas kesihatan pergigian dan Program Kesihatan Pergigian Sekolah;
- 7.2. Memberi input berkaitan peranan guru dalam memastikan persekitaran sekolah sihat berpandukan Dasar Sekolah Sihat dan prinsip Program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan);
- 7.3. Memberi latihan dan pendedahan kepada pelajar IPGK dengan menyediakan aktiviti-aktiviti yang sesuai;
- 7.4. Memberi latihan penyediaan RPH yang menghubungkan jalin maklumat kesihatan pergigian sebagai elemen merentas kurikulum;
- 7.5. Mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat kesihatan pergigian melalui penggunaan pelbagai platform teknologi komunikasi terkini termasuk media sosial;
- 7.6. Memperkasakan bakal guru agar boleh menjadi *advocator* ke arah penyampaian nasihat pergigian dan memfokuskan jenis nasihat yang spesifik kepada keperluan murid-murid serta ibu bapa/ penjaga mereka; Selain dari itu, para bakal guru kelak boleh juga terlibat dalam aktiviti memberus gigi harian, menjadi *advocator* ke arah pemilihan makanan dan minuman kurang gula dan melibatkan diri dalam pameran dan ceramah kesihatan pergigian;
- 7.7. Menetapkan kaedah pemantauan dari segi penilaian jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi menilai keberkesanan program yang dijalankan; dan
- 7.8. Penerapan modul kesihatan pergigian sebagai program pengayaan wajib hadir pelajar di IPG dalam usaha memperkasakan pelaksanaan program ini secara lebih berkesan.

8.0

Pelaksanaan Program

Program Kesihatan Pergigian dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) di Malaysia yang merangkumi 27 buah Institusi dan program ini disarankan agar diikuti oleh semua pelajar pra-perkhidmatan. Bagi memenuhi objektif program, dicadangkan agar ianya dijalankan sebelum pelajar menjalani Praktikum atau *Internship* Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada semester 5 hingga 7. Kumpulan program pengajian lain yang turut terlibat ialah seperti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP), Program Pelajar Cemerlang (PPC), Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM-Mod KDC). Bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pula dicadangkan supaya program dijalankan pada semester 2 atau 3 (semester pendek). Manakala bagi Program Diploma Perguruan

Malaysia (PDPM-Mod KDC) dicadangkan pada semester 5 hingga 6. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada perbincangan antara pihak Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dengan pemantauan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGM KPM).

8.1 Perancangan Aktiviti

Membuat perancangan bersama pihak IPGK/ institusi berkaitan mengenai perkara-perkara berikut:

- Memastikan jadual dimasukkan ke dalam takwim IPGK dan Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri di tahun semasa (seawal bulan September) untuk pelaksanaan bagi tahun berikutnya.
- Pembentukan Jawatankuasa Pelaksanaan Program yang terdiri daripada wakil bahagian pergigian dan IPGK.
- Perancangan kertas cadangan dan jadual program kesihatan pergigian untuk pelajar dan mengemukakan maklumat kepada Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri, KKM/ IPGK.
- Pelantikan ahli jawatankuasa dan petugas yang dikenalpasti bagi Program Kesihatan Pergigian untuk mengemukakan maklumat kepada Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri, KKM bagi tujuan surat perantikan.
- Menjalankan latihan kepada semua anggota pergigian yang terlibat dengan program. **(Rujuk Lampiran 1, 2 dan 3)**

8.2 Pelaksanaan Aktiviti

Cadangan aktiviti yang dijalankan adalah:

- Pendidikan Kesihatan Pergigian (Ceramah)*
- Pemeriksaan Kesihatan Pergigian*
- Pameran/ *Showcase*
- Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)*
- Bengkel Rancangan Pengajaran Harian (RPH)*
- Pertandingan Video Pendek/ Tik Tok Pendidikan Kesihatan Pergigian
- Simulasi/ Penceritaan/ Sketsa Pendidikan Kesihatan Pergigian
- Kuiz Pendidikan Kesihatan Pergigian
- Buku Skrap/ Portfolio Pendidikan Kesihatan Pergigian
- *Modelling* Pendidikan Kesihatan Pergigian
- Forum/ Debat Pendidikan Kesihatan Pergigian
- Aktiviti *Orienteering* Pendidikan Kesihatan Pergigian

*Merupakan aktiviti-aktiviti yang wajib dijalankan

Sebelum ceramah diadakan, pra ujian hendaklah dilaksanakan menggunakan Borang PBG-02 **(Rujuk Lampiran 5).**

8.2.1 Pendidikan Kesihatan Pergigian

Pendidikan Kesihatan Pergigian dijalankan sebagai latihan untuk menerapkan maklumat kesihatan pergigian dalam mata pelajaran tertentu. Ceramah Kesihatan Pergigian kepada pelajar mesti disampaikan oleh Pakar Kesihatan Awam/ Pegawai Pergigian selari dengan perubahan Panduan Sukatan Maklumat Kesihatan Pergigian. Kandungan Pendidikan Kesihatan Pergigian meliputi perkara berikut:

- a. Maklumat Asas Kesihatan Pergigian
- b. Perkhidmatan Pergigian Sekolah dan Peranan Guru
(Rujuk Lampiran 4)

8.2.2 Pemeriksaan Kesihatan Pergigian

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan penjagaan kesihatan pergigian. Pemeriksaan harus dijalankan di ruang yang khas bagi menjaga keselesaan pelajar. Dicadangkan Pemeriksaan Kesihatan Pergigian dilaksanakan selepas Pendidikan Kesihatan Pergigian.

- Periksa semua pelajar yang terlibat dan rekod dalam **Kad Rawatan Komuniti (LP.8- 3/2019)**
- Rujuk untuk rawatan ke klinik berdekatan jika perlu

Sediakan laporan hasil pemeriksaan untuk pembentangan di akhir program menggunakan **Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pergigian untuk Pelajar IPGK (PBG-03) Summary Data** dari Kad Rawatan Komuniti (Rujuk Lampiran 6).

8.2.3 Pameran/ Showcase

Pameran diadakan untuk menjelaskan maklumat yang disampaikan semasa sesi Pendidikan Kesihatan Pergigian dan memberi panduan kepada penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Di antara perkara yang perlu diambil perhatian dalam mengadakan pameran ialah:

- Pemilihan tempat dan jenis pameran yang sesuai
- Menggalakkan pelajar melawat pameran secara bersemuka atau secara dalam talian
- Kehadiran personel pergigian untuk memberi penerangan

8.2.4 Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)

Aktiviti ini membolehkan pelajar mengetahui cara memberus gigi dengan berkesan dan bertujuan meningkatkan kemahiran mereka untuk menyelia LMG murid-murid di sekolah kelak. Aktiviti LMG dilakukan secara demonstrasi oleh pegawai pergigian. Kit higin mulut dengan panduan untuk guru dan ibu bapa yang diedarkan (oleh syarikat pembekal yang dikenal pasti) boleh digunakan sebagai alat bantuan mengajar.

8.2.5 Bengkel Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Pelajar dikehendaki menyediakan RPH untuk mata pelajaran Kesihatan berdasarkan maklumat yang disampaikan semasa aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian. Aktiviti yang dijalankan adalah:

- a. Kerja kumpulan di dalam penyediaan RPH
- b. Persembahan RPH oleh pelajar IPG

Pemarkahan persembahan RPH adalah seperti dalam Borang Pemarkahan Persembahan RPH (PBG-04) (Rujuk Lampiran 7). RPH yang telah dihasilkan perlu didokumentasikan oleh Jawatankuasa Program IPGK dan diserahkan kepada penyelar program (pergigian) di akhir bengkel. Kompilasi RPH dalam bentuk cakera padat (CD) hendaklah dihantar kepada Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM.

8.2.6 Pertandingan Video Pendek/ Tik Tok Pendidikan Kesihatan Pergigian

Aktiviti ini membolehkan pelajar mengetahui dan memberi maklumat berkaitan kepentingan penjagaan gigi serta kesan dan akibatnya. Aktiviti ini memberi peluang pelajar untuk mengembangkan karya/ bakat melalui kreativiti bagi menghasilkan nasihat dalam bentuk lakonan (video pendek) atau ayat/ maklumat nasihat (Tik Tok). Dilaksanakan secara berkumpulan atau perseorangan. Penilaian dibuat berasaskan rubrik analitikal yang terdiri daripada panel yang berwibawa seperti Pakar Kesihatan, Pakar Seni dan Lakonan dan Pakar Persembahan video kreatif.

8.2.7 Simulasi/ Penceritaan/ Sketsa Pendidikan Kesihatan Pergigian

Aktiviti ini adalah secara berkumpulan yang melibatkan keahlian 8-10 orang pelajar. Berdasarkan tugas pada tajuk/tema berlainan yang disediakan, undian dilaksanakan dan kumpulan pelajar diberi tempoh tertentu untuk berbincang dan menjayakan simulasi/ penceritaan/ sketsa tersebut. Setiap kumpulan akan menentukan peranan masing-masing melalui dialog dan kostum yang dicipta mengikut kreativiti. Kumpulan pelajar akan membuat persembahan mengikut tempoh yang ditentukan. Penilaian dibuat oleh panel penilai berasaskan rubrik analitikal yang disediakan.

8.2.8 Kuiz Pendidikan Kesihatan Pergigian

Kuiz dilaksanakan bagi menguji tahap penguasaan kognitif sama ada sebagai/ tentang/ untuk pembelajaran Pendidikan Kesihatan Pergigian. Format kuiz dilaksanakan boleh dilaksanakan secara konvensional (kertas dan pensil) atau secara dalam talian (*Google Form/ Google Classroom/ Mentimeter/ Kahoot* dan sebagainya). Format soalan boleh dibina melalui soalan aneka pilihan atau *Open Ended* atau struktur pendek atau gabungan dua atau ketiga-tiganya. Jawatankuasa akan menentukan pemarkahan berasaskan skema pemarkahan yang disediakan.

8.2.9 Buku Skrap/ Portfolio Pendidikan Kesihatan Pergigian

Buku skrap/ portfolio boleh dihasilkan oleh pelajar secara berkumpulan (8-10 orang) dengan mengumpul maklumat berkaitan Pendidikan Kesihatan Pergigian mengikut tema yang ditentukan. Format dan ciri-ciri buku skrap/ portfolio ditentukan melalui syarat yang ditetapkan oleh AJK Pelaksana. Buku skrap/ portfolio dihasilkan secara fizikal atau PDF fail atau QR Kod untuk penelitian panel penilai.

8.2.10 Modelling Pendidikan Kesihatan Pergigian

Kaedah ini memberi peluang secara berkumpulan (8-10 orang) untuk menghasilkan/ membina model gigi, Bahan Bantu Mengajar (BBM) atau alat/ bahan yang berkaitan dengan kesihatan gigi (gula-gula, makanan). Pelajar akan menghasilkan model berasaskan tema dan beri peluang untuk membuat pembentangan bagi menerangkan struktur/ bahagian/ fungsi/ justifikasi yang dihasilkan. Hasil pembentangan dinilai berasaskan rubrik analitikal. Bahan yang boleh digunakan untuk membina *Modelling* boleh terdiri daripada plastesin/ botol atau kotak terbuang/ lukisan 3D.

8.2.11 Aktiviti *Orienteering* Pendidikan Kesihatan Pergigian

Aktiviti ini memberi peluang secara berkumpulan (8-10 orang) untuk menjejak 7-10 “*Check Point*” berdasarkan kepada panduan kompas/ langkah/ arah mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Aktiviti ini boleh dilaksanakan dengan memaksimumkan kawasan IPGK sepenuhnya. Soalan tugasan tentang Pendidikan Kesihatan Pergigian boleh ditanam/ ditempatkan pada lokasi “*Check Point*” untuk dijawab oleh kumpulan. Pemarkahan diberi selepas sesi selesai berdasarkan jawapan yang tepat dengan masa yang ditetapkan.

9.0

Pemantauan Program

Untuk memastikan program dijalankan di semua IPGK, laporan berikut perlu dihantar:

9.1 Sebelum Pelaksanaan

Maklumat mengenai perancangan program kesihatan pergigian di IPGK diisi menggunakan **Borang Perancangan Program Kesihatan Pergigian di IPGK (PBG-01)** sebelum akhir Januari setiap tahun.

Kompilasi Borang PBG-01 hendaklah dikemukakan kepada Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) (TPKN(G)) sebelum tarikh 31 Januari setiap tahun dan disalinkan kepada Pusat Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (HEP IPGM KPM).

9.2 Selepas Pelaksanaan

Laporan mengenai hasil program dikemukakan dalam Laporan Program Kesihatan Pergigian **di IPGK (PBG-05) (Rujuk Lampiran 8)** sebelum akhir Disember setiap tahun.

Kompilasi borang tersebut diperingkat negeri yang merangkumi semua IPGK dalam negeri tersebut hendaklah dikemukakan kepada Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui TPKN(G) sebelum tarikh **15 Januari tahun berikutnya dan disalinkan kepada Pusat Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (HEP IPGM KPM).**

10.0

Penilaian Program

Penilaian dibuat untuk mengetahui keberkesanan penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada guru pelatih semasa pelaksanaan program di IPGK. Penilaian perlu dijalankan untuk jangka pendek, sederhana dan panjang.

10.1 Penilaian jangka pendek

Penilaian ini dijalankan semasa aktiviti dijalankan di IPGK. Terdapat tiga (3) peringkat pelaksanaan penilaian jangka pendek ini:

- a. Sebelum bermulanya sebarang aktiviti semasa lawatan ke IPGK (Pra-ujian). Penilaian ini bertujuan untuk menilai tahap aspek pengetahuan, persepsi, sikap dan peranan guru **sebelum** aktiviti dijalankan. Penilaian ini boleh dijalankan secara dalam talian menggunakan *Google Forms* atau menggunakan salinan cetak dan menggunakan Borang Kaji selidik untuk Pelajar IPG Sebelum dan Selepas Aktiviti Program Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) (Borang PBG-02).
- b. **Semasa Bengkel Rancangan Pengajaran Harian (RPH).**
Penilaian semasa bengkel ini bertujuan untuk menilai aspek ketepatan dan kesesuaian maklumat kesihatan pergigian yang diserap ke dalam RPH. Penilaian ini boleh mengguna Borang Pemarkahan Persembahan RPH (Borang PBG- 05).
- c. **Selepas pelaksanaan aktiviti di IPGK (Pos-Ujian)**
Penilaian ini bertujuan untuk menilai tahap aspek pengetahuan, persepsi, sikap dan peranan guru **selepas** aktiviti dijalankan. Penilaian ini boleh dijalankan secara dalam talian menggunakan *Google Forms* atau menggunakan salinan cetak dan menggunakan Borang Kaji Selidik untuk Pelajar IPG Sebelum dan Selepas Aktiviti Program Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) (Borang PBG-02)

10.2 Penilaian jangka sederhana

Penilaian ini dicadangkan untuk dilaksanakan setelah enam (6) bulan atau setahun selepas bakal guru ini menamatkan pengajian mereka di IPGK. Komunikasi dengan pihak IPGK asal boleh diadakan untuk mendapatkan informasi tentang keberadaan bekas pelajar IPGK ini setelah enam (6) bulan atau setahun. Penilaian ini boleh dijalankan secara dalam talian menggunakan Google Forms atau menggunakan salinan cetak menggunakan Borang Tinjauan Penerapan Kesihatan Pergigian ke atas Guru Lepas dari IPG (Borang PBG-06) (**Rujuk Lampiran 9**).

10.3 Penilaian Jangka Panjang

Sebarang kaji selidik berkaitan pelaksanaan penerapan mengenai kesihatan pergigian ke atas guru-guru yang sedang berada di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang pernah mengikuti pengajian di IPGK digalakkan untuk dilaksanakan dengan bimbingan Pakar Pergigian Kesihatan Awam.

Hasil kaji selidik yang telah dijalankan hendaklah disediakan dalam bentuk laporan dan dihantar ke peringkat Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri dan Bahagian Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum **31 Disember** setiap tahun.

11.0

Kesimpulan

Garis panduan program kesihatan pergigian untuk bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) ini diharapkan dapat memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program ini. Kerjasama yang padu dari semua pihak yang terlibat amat penting bagi memastikan matlamat utama program ini untuk memperkasakan bakal guru agar mereka berupaya untuk memberikan sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian di kalangan murid sekolah dapat dicapai.



Lampiran

PELAKSANAAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK PELAJAR IPGK

a. Perancangan Program

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN
1.	Membentuk Jawatankuasa (JK) Pelaksanaan Program Kesihatan Pergigian Bakal Guru di peringkat operasi: a. Cadangan ahli JK: i. Penyelaras Program dari IPGK: Ketua Jabatan HEP/PJK Sains Sosial/Sains atau yang dilantik oleh IPGK ii. Penyelaras Program dari Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri iii. Wakil pelajar IPGK iv. Ahli: • Pensyarah IPGK • Pegawai Pergigian • Juruterapi Pergigian dan personel pergigian b. Mengadakan mesyuarat: i. Tentukan: • Tarikh pemeriksaan kesihatan pergigian. • Tarikh bagi Ceramah Pendidikan Kesihatan Pergigian. ii. Dapatkan jumlah dan senarai nama guru-guru pelatih. iii. Rancang aktiviti-aktiviti yang akan diadakan (Rujuk Lampiran 2 sebagai panduan).	Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP) Negeri / Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPGK
2.	Mengemukakan maklumat dan penjadualan program ke Penyelaras Program Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM sebelum 31 Januari setiap tahun menggunakan borang PBG-01 (Lampiran 3) dan disalinkan ke HEP, IPGMKPM.	JK Pelaksanaan Program Penyelaras Program Pergigian Peringkat Negeri
3.	Menjalankan taklimat/latihan kepada personel pergigian yang terlibat sebagai urusetia semasa pelaksanaan program di peringkat negeri dan daerah tentang: a. Prosedur pelaksanaan program kesihatan pergigian guru pelatih. Sukatan maklumat kesihatan pergigian (Rujuk Lampiran 4).	Pakar Pergigian Kesihatan Awam PP(G) KA

b. Pelaksanaan Aktiviti

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN
1.	Sebelum ceramah diberikan, pra ujian hendaklah dijalankan samaada menggunakan salinan cetak atau dalam talian menggunakan <i>Google Forms</i>. Gunakan borang PBG-02 (Rujuk Lampiran 5). Pendidikan Kesihatan Pergigian - Ceramah diberi oleh Pakar Pergigian Kesihatan Awam yang terlibat. - Tetapkan dua sesi (45 minit setiap sesi) untuk perbincangan topik berasaskan kepada sukatan seperti di Lampiran 4: - Maklumat Asas Kesihatan Pergigian - Perkhidmatan Pergigian Sekolah dan Peranan Guru - Pastikan kaedah penyampaian yang efektif dan menarik: - Gunakan pendekatan yang sesuai, interaktif dan galakkan penyertaan aktif peserta. - Pastikan maklumat lengkap, tepat dan bersesuaian. - Perkukuhkan peranan yang boleh dimainkan oleh guru dalam menjayakan perkhidmatan pergigian sekolah dan promosi kesihatan pergigian. - Rekod maklumat dalam borang PGPRO 01 (Program Hari Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus).	Urusetia Pakar Pergigian Kesihatan Awam PP(G) KA
2.	Pemeriksaan Kesihatan Pergigian - Periksa kesihatan pergigian guru pelatih dan rekod dalam kad rawatan (L.P.8 – 3/2019) Kad Rawatan Komuniti. Seterusnya ringkasan hasil pemeriksaan dimasukkan ke dalam borang Laporan Bulanan Individu/ Klinik/ Daerah/ Negeri Hasil Kerja Pegawai Pergigian bagi Rawatan Pergigian Dewasa Muda – YOUNG ADULT Pin.1/2023 (Rujuk Lampiran 6). - Rujuk untuk rawatan ke klinik berdekatan jika perlu. - Sediakan laporan hasil pemeriksaan untuk dibentangkan selepas bengkel tamat (rujuk borang YOUNG ADULT Pin.1/2023). Analisa data boleh dijalankan dengan bimbingan PP(G)KA.	Pegawai Pergigian (PP) Penyelaras Program (Pergigian)/ PP(G)KA

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN
3.	Pameran - Tentukan ruang pameran. Pilih tempat pameran yang sesuai di mana dapat menarik perhatian guru pelatih dan warga IPGK. - Mengadakan pameran menggunakan: - Bahan-bahan dari Unit Promosi Kesihatan Pergigian Negeri. - Alat bantu mengajar yang telah dihasilkan. - Personel pergigian hadir untuk memberi penerangan tentang bahan pameran kepada guru pelatih. - Rekod aktiviti dalam borang PGPRO 01 (Program Hari Kesihatan Pergigian Di Institut Pendidikan Guru Kampus).	Penyelaras Program IPGK & Pergigian JK Pergigian
4.	Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG) - Sediakan bahan-bahan dan peralatan seperti: - Model gigi (<i>typodont kit</i>); - Pewarna plak (<i>disclosing tablet</i>); - Flos pergigian; - Cermin muka dan - Video LMG jika perlu. - Tetapkan tempat yang sesuai. - Agihkan guru pelatih kepada beberapa kumpulan. - Buat demonstrasi cara mengendalikan LMG dan penggunaan flos pergigian/ pewarna plak (jika ada). - Rekod aktiviti dalam borang PGPRO 01 (Program Hari Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus).	JK Pegigian & guru pelatih Pegawai Pergigian
5.	Bengkel Rancangan Pelajaran Harian (RPH) - Setiap kumpulan guru pelatih dikehendaki menyediakan satu RPH yang lengkap berdasarkan subjek pengkhususan yang telah ditetapkan. - RPH disediakan untuk sesi pengajaran 30 minit bagi murid sekolah rendah dan menepati sukatan pelajaran tahun/ tahap berkenaan. - Mesej kesihatan pergigian hendaklah diserapkan dalam pengajaran. - Persembahan RPH dihakimi oleh 2-3 orang panel pengadil terdiri daripada pensyarah IPG dan seorang Pakar Pergigian Kesihatan Awam. Format pemarkahan RPH sila rujuk borang PBG-04 (Rujuk Lampiran 7).	Penyelaras program IPGK Pensyarah IPGK & PPKA

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN
	e. Satu salinan kertas kerja semua kumpulan RPH dan <i>soft copy</i> persembahkan RPH bagi pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga perlu diserahkan kepada Penyelaras (Pergigian). f. Kompilasi RPH dalam bentuk CD dihantar bersama program ke Bahagian Kesihatan Pergigian KKM. g. Rekod aktiviti dalam borang PGPRO 01 (Program Hari Kesihatan Pergigian Di Institut Pendidikan Guru Kampus).	Penyelaras program IPG & wakil pelajar IPGK Penyelaras program Pergigian
6	Majlis Penutup/Penyempurnaan - Rumusan program: Pembentangan laporan status kesihatan pergigian guru pelatih & komen pengadil RPH. - Perasmian penutup oleh Pengarah IPGK/wakil. - Hadiah/cenderamata diberikan kepada RPH yang terbaik. - Sijil penyertaan disediakan untuk setiap guru pelatih dan pensyarah/pegawai yang terlibat.	Penyelaras Program (Pergigian)/PPKA Pihak HEP IPG JK Pelaksana
7.	Sediakan pelaporan menggunakan PBG-05 (Rujuk Lampiran 8).	

CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK PELAJAR IPGK

HARI PERTAMA

8.30 – 9.00 pagi	:	Pendaftaran Pra Ujian
9.00 - 9.45 pagi	:	Ceramah 1: Maklumat Asas Kesihatan Pergigian
9.45 – 10.15 pagi	:	Minum pagi
10.15 – 11.00 pagi	:	Ceramah 2: Perkhidmatan Pergigian Sekolah dan Peranan Guru
11.00 – 12.45 tgh	:	Pameran Kesihatan Pergigian Berkumpulan
12.45 – 2.00 petang	:	Rehat
2.00 – 4.30 petang	:	Pemeriksaan Kesihatan Pergigian Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG) dan Penggunaan Flos Gigi

HARI KEDUA

8.30 – 9.00 pagi	:	Penghakiman pelbagai pertandingan (poster/video dll). Pertandingan boleh dihebahkan lebih awal sebelum hari aktiviti
9.00 – 10.30 pagi	:	Pembentangan Rancangan Pelajaran Harian (RPH)
10.30 – 11.00 pagi	:	Minum pagi
11.00 – 12.30 tgh	:	Sambungan pembentangan RPH
12.30 – 2.00 petang	:	Rehat
2.00 – 3.00 petang	:	Rumusan Bengkel
3.00 – 3.30 petang	:	Pos Ujian
3.30 – 4.30 petang	:	Majlis Perasmian Penutup

Pos Ujian (boleh dijalankan secara dalam talian menggunakan *Google Form* atau lain-lain kaedah yang bersesuaian).

*Sekiranya pihak IPGK dapat memperuntukkan lebih dari 2 hari untuk program ini, pelbagai aktiviti boleh dijalankan

PERANCANGAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN DI IPGK

PBG - 01

TAHUN :

NEGERI :

BIL	IPGK	ANJURAN			TARIKH PERANCANGAN PROGRAM	BIL PELAJAR MENGIKUT PROGRAM		PENYELARAS (NAMA PEGAWAI PERGIGIAN, NO TEL & EMAIL)	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS	BILANGAN PERSONEL PERGIGIAN TERLIBAT	
		PJK	HEP	LAIN- LAIN		PROGRAM	BILANGAN			PAKAR/ PEGAWAI PERGIGIAN KESIHATAN AWAM	PEGAWAI PERGIGIAN
						PISMP					
						PDPP					
						PPC					
						PDPM- Mod KDC					
						PISMP					
						PDPP					
						PPC					
						PDPM- Mod KDC					

Program:

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP), Program Pelajar Cemerlang (PPC),

Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM-Mod KDC)

- Kompilasi borang PGP-01 hendaklah dikemukakan kepada Program Kesihatan Pergigian melalui TPKN(G) sebelum tarikh 31 Januari setiap tahun.

PANDUAN PENYEDIAAN PERSEMBAHAN SLAID *POWER POINT*

TOPIK 1 : MAKLUMAT ASAS KESIHATAN PERGIGIAN

KANDUNGAN	CATATAN
Pengenalan - Gigi Sihat	1. Fasa pertumbuhan - Bilangan gigi susu dan gigi kekal dan umur ketika ianya tumbuh. 2. Struktur gigi 3. Fungsi gigi i. Makan ii. Bercakap iii. Rupa paras yang menarik (estetik)
Kepentingan kesihatan pergigian dalam kehidupan	Kesihatan pergigian amat berkait rapat dalam kehidupan seseorang, kesihatan pergigian yang baik akan meningkatkan penampilan dan keyakinan diri serta interaksi sosial individu. • Mulut - aset yang sangat berharga, kesihatan pergigian menyumbang kepada kesempurnaan sosial, mental dan fizikal serta meningkatkan kualiti hidup. • Bebas dari penyakit pergigian - boleh makan, bercakap, bersosial dan menjalankan aktiviti harian dengan sempurna tanpa rasa sakit atau ketidakselesaan dan tanpa rasa malu atau rendah diri. • Implikasi kos - penjimatan masa dan wang jika tidak memerlukan rawatan pergigian.
Masalah pergigian • Plak gigi • Karies gigi • Penyakit gusi • Kecederaan pergigian • Gigi yang tidak teratur (maloklusi) • Kanser mulut • Merokok	Fungsi air liur: • Membantu membersihkan permukaan gigi daripada sisa makanan dan asid. • Mengurangkan keasidan mulut. • Menentukan persekitaran mulut dalam keadaan alkalin. Plak (<i>biofilm</i>): • Selaput lembut dan tidak berwarna yang terbentuk dan melekat di permukaan gigi/tisu mulut. Terhasil dari sisa-sisa makanan. • Mengandungi pelbagai jenis bakteria.

KANDUNGAN

CATATAN

- Mudah dihilangkan dengan memberus gigi dengan berkesan dan penggunaan flos gigi.
- Terbentuk semula sebaik sahaja gigi dibersihkan dan berkumpul serta menebal sepanjang masa.
- Penyebab utama karies dan masalah gusi.
- Sekiranya tidak dibersihkan, lama-kelamaan mengeras di permukaan gigi dan menjadi karang gigi. Jika telah terjadi karang gigi, ianya tidak lagi dapat dihilangkan dengan memberus gigi atau flos gigi. Rawatan penskaliran di klinik pergigian sahaja yang boleh menghilangkan karang gigi.

Karies Gigi

- Masalah pergigian yang sering berlaku di kalangan kanak-kanak dan remaja.
- Berkait-rapat dengan plak yang mengandungi bakteria.
- Berpunca dari gula yang bertindak balas dengan bakteria di dalam plak dan menghasilkan asid yang akan melarutkan lapisan permukaan gigi.
- Bakteria juga boleh menyimpan lebih gula dan menjadikannya sebahagian daripada plak. Ia akan menghasilkan asid apabila tidak terdapat gula di persekitaran mulut.
- Empat faktor dalam kejadian karies gigi:
 - i. Permukaan gigi yang rentan (*susceptible*)
 - ii. Bakteria
 - iii. Gula
 - iv. Masa

- Karies gigi diperingkat awal masih boleh diberi rawatan seperti sapuan fluorida topikal atau sekiranya belum cukup dalam, ianya masih boleh ditampal. Tidak semestinya semua gigi yang berlubang perlu dicabut. Kita hendaklah berusaha untuk mengekalkan gigi asli seumur hidup.

Masalah Gusi / *Periodontium*

- Ada 2 peringkat penyakit gusi iaitu *Gingivitis* dan *Periodontitis*

KANDUNGAN

CATATAN

- Gingivitis ialah keradangan gusi yang berpunca dari toksin yang dihasilkan oleh bakteria (plak).
- Tanda keradangan gusi adalah gusi kelihatan merah, bengkak dan mudah berdarah.
- Gusi akan kembali sihat sekiranya punca masalah di atasi iaitu pembuangan plak gigi dengan memberus gigi dengan berkesan atau menggunakan flos gigi.
- Sekiranya gingivitis dibiarkan, lama-kelamaan ianya akan menjadi periodontitis. *Periodontitis* ialah keradangan tisu *periodontium* yang boleh merebak ke dalam tulang *alveolus* dan meresap tulang tersebut. Tulang yang menyusut (*bone resorption*) tidak boleh diganti.
- Gejala periodontitis - gusi menurun (resesi gingiva), gigi menjadi longgar.
- Penyusutan tulang alveolus akan mengakibatkan poket gingiva dan bengkak gusi. Sekiranya telah terjadi periodontitis, perlulah mendapatkan rawatan di klinik pergigian.

Kecederaan Pergigian

- Kecederaan pergigian seperti gigi tercabut atau patah gigi hadapan yang berlaku semasa bersukan.
- Penggunaan pelindung mulut untuk melindungi gigi dari kecederaan (Rujuk kepada risalah 'Pelindung Mulut'). Avulsi gigi dan langkah-langkah bantu awal yang perlu diambil (Rujuk kepada '*Clinical Practice Guidelines - Management of of Avulsed Permanent Anterior Teeth in Children*').

Maloklusi

- Definisi Maloklusi : Gigi tidak tersusun/teratur
- Jenis maloklusi dan punca/penyebab.
- Masalah pergigian seperti masalah gusi dan karies boleh timbul jika maloklusi tidak dirawat.
- Rujukan dan rawatan awal dapat mengurangkan kompleksiti rawatan.

Kanser Mulut (rujuk kepada risalah 'Kanser Mulut')

- Tabiat-tabiati yang meningkatkan risiko mendapat kanser
- Tanda-tanda awal kanser mulut (lesi berpotensi malignan)

KANDUNGAN	CATATAN
Amalan kesihatan dan pencegahan masalah pergigian • Amalan kebersihan gigi dan mulut • Penggunaan ubat gigi berfluorida • Amalan memflos gigi • Pemakanan sihat/seimbang • Kawalan pengambilan gula • Pemeriksaan pergigian secara berkala • Mengelakkan tabiat yang berisiko/ tidak sihat seperti merokok atau menghisap <i>vape</i>	• Langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil/mengelakkan tabiat berisiko, pemeriksaan sendiri mulut Memberus gigi dan penggunaan flos • Berus gigi dengan berkesan sistematik 2 kali sehari (sebelum tidur dan bangun pagi) untuk menghapuskan plak gigi. • Gunakan ubat gigi yang mengandungi fluorida. Fluorida berperanan mencegah karies gigi, membantu dalam proses pembaikan atau '<i>remineralisation</i>' dan memperlahankan proses kerosakan gigi. Baca label kandungan fluorida di tiub ubat gigi. Pastikan ubat gigi mempunyai kadar kandungan fluorida yang disyorkan iaitu sekurang-kurangnya 1000 ppm bagi kanak-kanak dibawah umur 7 tahun. • Apabila kanak-kanak berumur tujuh tahun ke atas, tukar kepada ubat gigi berfluorida berkepekatan dewasa (1350-1500 ppm). • Memberus gigi tidak hanya mencegah masalah gigi tetapi juga boleh mengawal masalah gusi. • Amalan memflos untuk menghilangkan plak di celah-celah gigi yang tidak boleh dibersihkan oleh berus gigi. Amalan Pemakanan sihat • Makanan seimbang. • Makanan yang mengandungi semua zat makanan untuk memastikan pertumbuhan gigi dan tisu mulut yang sihat. • Kurangkan pengambilan gula dengan mengawal jumlah dan kekerapan makanan/minuman yang mengandungi gula. • Hadkan jumlah pengambilan gula (kurang dari 10 sudu teh sehari) • Hadkan pengambilan semasa waktu makan utama sahaja dimana ia kurang bermudarat berbanding jika ianya dimakan kerap kali di antara waktu makan utama • Awasi makanan yang mengandungi gula tersembunyi. • Baca label - pilih makanan/minuman kurang gula atau bebas gula.

KANDUNGAN	CATATAN
	- Pilihan snek yang sihat seperti buah-buahan, sayuran, kacang, keropok dan sebagainya di antara waktu makan utama. Pemeriksaan pergigian secara berkala - Lawatan secara berkala membolehkan masalah pergigian dikesan di peringkat awal. - Rawatan dapat diberi seawal mungkin. - Jangan hanya sakit baru berjumpa doktor gigi. - Jadikan lawatan ke klinik pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun sebagai rutin. Mengelakkan tabiat yang berisiko/tidak sihat. - Elakkan menghisap rokok, tembakau, shisha atau <i>vape</i>. - Elakkan minuman beralkohol. - Elakkan tabiat mengunyah sيره, pinang dan tembakau. - Doktor gigi dapat mengenal pasti tanda-tanda seseorang itu merokok apabila melakukan pemeriksaan mulut. - Akibat merokok kepada kesihatan mulut : - Meningkatkan risiko mendapat kanser mulut - Meningkatkan risiko mendapat penyakit gusi - Mulut berbau - Gigi kelihatan kuning akibat <i>staining</i> dan menjejaskan rupa paras - Akibat-akibat merokok kepada kesihatan tubuh badan. - Sekiranya terdapat murid yang merokok, boleh dirujuk kepada doktor gigi untuk khidmat nasihat. - Program (Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok) KOTAK.

TOPIK 2 : PERKHIDMATAN PERGIGIAN SEKOLAH DAN PERANAN GURU

KANDUNGAN	CATATAN
Objektif Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah	Untuk mencapai status pergigian optimum (<i>orally fit</i>) di kalangan murid sekolah. • Tiada penyakit pergigian aktif • Selesai rawatan pergigian • Melahirkan individu yang berupaya menjaga kesihatan pergigian secara sendiri (<i>'self care'</i>)
Status kesihatan pergigian murid sekolah	Rujuk data berikut: • Rujuk data dari laporan HIMS • NOHPS 2015, NOHSS 2017 • Semakan kajian terkini yang ada • Status kesihatan pergigian di negeri/daerah Buat perbandingan dengan <i>National Oral Health Strategic Plan</i> (NOHSP 2022-2030)
Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di sekolah	• Aktiviti pergigian pencegahan (Pendidikan Kesihatan Pergigian, Latihan Memberus Gigi dan Pencegahan Klinikal) • Rawatan pergigian asas
Peranan Guru dalam menerapkan kepentingan kesihatan pergigian kepada murid	Peranan Guru: • Suri teladan (<i>Role Model</i>) kepada murid • Sebagai teladan yang baik kepada murid dari segi penjagaan kesihatan pergigian. • Penggalak/fasilitator kepada murid untuk keberkesanan dan kelancaran perkhidmatan pergigian di sekolah. • Penghubung/agen komunikasi antara pihak pergigian dan murid serta ibu/bapa/penjaga. • Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Sekolah (sebelum dan semasa lawatan pasukan pergigian sekolah). • Penggalakkan Kesihatan Pergigian di Sekolah (mengadakan LMG disekolah secara rutin, memberi nasihat amalan pergigian yg baik, advokator penjualan makanan sihat di kantin dan sebagainya).

**BORANG KAJISELIDIK UNTUK PELAJAR IPG SEBELUM DAN SELEPAS
AKTIVITI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS
(IPGK)**

Soal selidik ini mempunyai 50 soalan dengan 5 bahagian (Bahagian A, B, C, D dan E) dalam 5 muka surat. BAHAGIAN A: MAKLUMAT GURU

Sila isikan jawapan anda dalam kotak yang berkenaan ATAU isikan tempat kosong bagi soalan-soalan berikut.

NO	PENYATAAN	
A1	Umur anda pada hari jadi terakhir	
A2	Kumpulan Etnik: 1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Bumiputera lain 5. Lain-lain, sila nyatakan.....	
A3	Jantina : 1 = Lelaki 2 = Perempuan	
A4	Tahap Pendidikan tertinggi anda: 1. Ijazah dan ke atas 2. STPM/Matrikulasi/Diploma/Sijil (atau yang setaraf)	
A5	Adakah anda merokok? Ya Tidak	

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN TERHADAP KESIHATAN PERGIGIAN/MULUT

Sila tanda (/) SATU jawapan SAHAJA di ruangan berkenaan bagi setiap penyataan berikut

NO	PENYATAAN	BETUL	SAHAL
B1	Jumlah gigi susu adalah 24 batang	☐	☐
B2	Plak gigi (sisa makanan) adalah punca utama penyakit gusi	☐	☐
B3	Karies gigi (gigi berlubang) adalah disebabkan oleh bakteria dalam plak	☐	☐
B4	Karies gigi boleh dicegah dengan menggunakan ubat gigi berfluorida	☐	☐
B5	Gigi kekal pertama yang tumbuh adalah gigi geraham bahagian bawah	☐	☐
B6	Gusi berdarah adalah salah satu tanda penyakit gusi.	☐	☐
B7	Karies gigi (gigi berlubang) adalah disebabkan oleh makanan yang mengandungi banyak gula	☐	☐
B8	Apabila gigi susu atau gigi kekal mula berlubang, gigi tersebut perlu dicabut	☐	☐
B9	Jumlah gigi kekal adalah 32 batang	☐	☐
B10	Karang gigi boleh dibersihkan dengan memberus gigi secara berterusan.	☐	☐
B11	Memberus gigi dengan cara yang betul boleh menyebabkan gusi saya sihat	☐	☐
B12	Memberus gigi dengan menggunakan ubat gigi berfluorida membantu mencegah gigi berlubang	☐	☐
B13	Floss pergigian digunakan untuk memberus lidah agar lidah menjadi lebih bersih.	☐	☐
B14	Kanak-kanak berusia 7 tahun ke atas dan orang dewasa boleh berkongsi jenis ubat gigi yang sama	☐	☐
B15	Setiap orang dicadangkan untuk menjalani pemeriksaan rutin pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun.	☐	☐
B16	Merokok tidak mempengaruhi kesihatan gigi/mulut	☐	☐

NO	PENYATAAN	BETUL	SALAH
B17	Gigi goyang/longgar adalah antara tanda penyakit gusi	☐	☐
B18	Maloklusi (susunan tulang rahang dan gigi yang tidak sejajar atau rata) adalah tanda awal kanser mulut	☐	☐
B19	Sekiranya gigi baharu sahaja mengalami avulsi (tercabut keluar dari soket) akibat kecederaan semasa bersukan, gigi tersebut perlu dibuang	☐	☐
B20	Pendakap gigi boleh dipasang bagi mengelakkan kecederaan terhadap gigi semasa bersukan terutamanya sukan lasak	☐	☐

BAHAGIAN C: AMALAN KESIHATAN PERGIGIAN

Sila tanda (/) SATU jawapan SAHAJA bagi setiap pernyataan berikut

NO	PENYATAAN	TIDAK PERNAH	SEKALI SEBULAN	SEKALI ATAU 2 KALI SEMINGGU	SEKALI SEHARI	2 KALI SEHARI	LEBIH DARI 2 KALI SEHARI
C1	Berapa kerapkah anda memberus gigi?						
C2	Berapa kerap anda memberus gigi sebelum tidur?						
C3	Berapa kerap anda menggunakan ubat gigi berfluorida untuk memberus gigi anda? Nyatakan jenama ubat gigi anda:.....						
C4	Berapa kerap anda menggunakan flos gigi?						
C5	Berapa kerap anda berkumur selepas makan?						
C6	Berapa kerap anda makan/minum makanan/minuman manis? Nyatakan jenis makanan manis yang diambil:..... Nyatakan jenis minuman manis yang diambil:.....						
C7	Berapa kerap anda memberus lidah anda?						
C8	Berapa kerap anda minum air kosong dalam sehari?						

BAHAGIAN D: SIKAP (ATTITUDE) TERHADAP KESIHATAN PERGIGIAN

Sila tanda (/) SATU jawapan SAHAJA bagi setiap pernyataan berikut

NO	PENYATAAN	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
D1	Kita sepatutnya mengurangkan memakan makanan yang manis untuk mencegah kejadian gigi berlubang (karies gigi)				
D2	Saya percaya menggosok gigi dengan berkesan sangat penting untuk mencegah kejadian gigi berlubang (karies gigi)				
D3	Saya merasakan adalah sangat penting untuk menggosok gigi sebelum tidur				
D4	Saya merasakan tidak selesa jika tidak memberus gigi sebelum tidur				
D5	Saya merasakan tidak ada kesan yang berbeza antara menggunakan ubat gigi yang mengandungi <i>fluoride</i> (fluorida) atau tidak				
D6	Saya percaya menggunakan ubat gigi yang mengandungi <i>fluoride</i> (fluorida) adalah lebih baik bagi mencegah kejadian gigi berlubang (karies gigi)				
D7	Saya merasakan gigi berlubang (karies gigi) tidak perlu dicegah kerana gigi yang dicabut dapat diganti dengan gigi palsu				
D8	Saya merasakan gigi berlubang (karies gigi) perlu dicegah kerana dapat mengakibatkan sakit gigi atau bengkak gusi				
D9	Saya sepatutnya berjumpa doktor untuk pemeriksaan gigi walaupun saya tidak merasa sakit				
D10	Saya merasa merokok mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan pergigian dan mulut				

**BAHAGIAN E: PERSEPSI TENTANG PERANAN ANDA DALAM MEMPROMOSIKAN
KESIHATAN PERGIGIAN**

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan E1-E6 berikut?

Sila tanda (/) satu jawapan sahaja dalam kotak yang disediakan di akhir setiap soalan.

NO	PENYATAAN	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
E1	Penting bagi saya untuk mengesan kerosakan gigi dan masalah gusi pada murid-murid.				
E2	Bukan tugas saya untuk menyelia aktiviti memberus gigi kanak-kanak setiap hari semasa waktu persekolahan.				
E3	Menjadi tanggungjawab saya untuk memantau jenis makanan/minuman yang dihidangkan kepada murid-murid.				
E4	Saya mesti menjadi contoh kepada murid-murid dengan mempunyai kesihatan gigi/ mulut yang baik.				
E5	Saya sanggup untuk menerapkan mesej kesihatan pergigian dalam pengajaran saya jika berkesempatan.				
E6	Mempromosikan kesihatan pergigian adalah tanggungjawab pasukan pergigian sahaja				

LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK PELAJAR IPGK
(SUMMARY DATA DARI L.P.8 3/2019 KAD RAWATAN KOMUNITI MENGGUNAKAN BORANG LAPORAN BULANAN INDIVIDU/ KLINIK/ DAERAH/
NEGERI HASIL KERJA PEGAWAI PERGIGIAN BAGI RAWATAN PERGIGIAN DEWASA MUDA)

DEWAGA MUDA Pind. 1/2023

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIHIAN
LAPORAN BULANAN KLINIK/DAIRAH/NEGERI
SAGI PERKHIDMATAN PERGIHIAN PROGRAM DEWASA MUDA
BAGI BULAN.....TAHUN.....

NEGERI:
DAERAH:
KLINIK PERGIGIAN:
JAMA PROGRAM:

[illegible]

MAKHLUK ALAM		REKAMAN SETIAP SPEKTRUM VISUAL DARI 400-700 NM	REKAMAN SETIAP SPEKTRUM AKUSTIK DARI 20-20.000 Hz	REKAMAN SETIAP SPEKTRUM INFRABIRU DARI 700-1.000.000 NM
1	JEJIR INSTITUT PENCIKAHAN THROG PENCIKAHAN			
2	SEKOLAH MENENGAH			
1	KOLEJ KOMUNITI			
3	KOLEJ VOKASIONAL			
4	INSTITUT PENCIKAHAN GURU (PG)			
5	PRA UNIVERSITI (PRA U) & UNIVERSITI AYAH (UA)			
6	LAM – LAM INSTITUT PENCIKAHAN			

***NOTA**

- Pengisian Laporan Pemeriksaan Kesehatan Pergigian untuk Pelajar IPGK hanya diisi di kolom Institut Pendidikan Guru Kampus sahaja.
- Pelaporan bagi aktiviti-aktiviti Promosi dan Pendidikan Kesehatan Pergigian yang dijalankan pada Program Hari Kesehatan Pergigian Di Institut Pendidikan Guru Kampus perlu diisi di borang GGPRO 01 - Program Hari Kesehatan Pergigian Di Institut Pendidikan Guru Kampus

BORANG PEMARKAHAN PERSEMBAHAN RPH (MICRO-TEACHING)

IPGK :

KUMPULAN/ OPSYEN :

MATA PELAJARAN : MURID TAHUN :

TAJUK/ TOPIK :

NO	KRITERIA	MARKAH	ULASAN
A	PERANCANGAN i. Hasil Pembelajaran / 10 ii. Susunan Isi Pelajaran / 10 iii. Pemilihan strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran / 10 MARKAH KOMPONEN A / 30		
B	PENYAMPAIAN i. Kemahiran Mengajar / 10 ii. Pendekatan Interaktif / 10 iii. Ketepatan dan kesesuaian maklumat kesihatan pergigian yang diserap / 15 iv. Penggunaan Alat Bantu Mengajar / 10 v. Pengurusan Masa / 5 vi. Kesimpulan / 5 MARKAH KOMPONEN B / 55		
C	SAHSIAH GURU i. Kreatif dan Inovatif / 5 ii. Bermotivasi / 5 iii. Keterampilan / 5 MARKAH KOMPONEN C / 15		
	JUMLAH MARKAH (A + B + C)	/ 100	

Tandatangan Penilai :

Nama :

Tarikh :

LAPORAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN DI IPGK

TAHUN :

NEGERI :

BIL	IPGK	ANJURAN			MAKLUMAT PELAJAR			** AKTIVITI- AKTIVITI YANG DIJALANKAN	PERSONEL PERGIGIAN TERLIBAT	
		PJK	HEP	LAIN- LAIN	*PROGRAM	SEMESTER	*ENROLMEN	BILANGAN	%	

Program

- * Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- * Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)
- * Program Pelajar Cemerlang (PPC)
- * Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM-Mod KDC)

Enrolmen

- * Enrolmen bagi kumpulan guru pelatih semester yang terlibat pada tahun semasa sahaja.
- Aktiviti
- ** Sila senaraikan secara ringkas sahaja, contoh aktiviti: Ceramah, pemeriksaan pergigian, pameran, demonstrasi LMG, pertandingan RPH, pertandingan, simulasi, dll.

- Kompilasi borang PGP-02 hendaklah dikemukakan kepada Program Kesihatan Pergigian melalui TPKN(G) sebelum tarikh 15 Januari tahun berikut

TINJAUAN PENERAPAN KESIHATAN PERGIGIAN DI SEKOLAH KE ATAS GURU LEPASAN DARI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPGK)

Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri :

Ini merupakan tinjauan ke atas guru-guru yang merupakan lepasan dari IPGK. Objektif tinjauan ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti persepsi di kalangan guru tentang peranan guru dalam mempromosikan kesihatan pergigian
2. Mengenalpasti tahap aplikasi pengetahuan kesihatan pergigian yang diperolehi dari Program Kesihatan Pergigian di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)
3. Mengenalpasti faktor pemudahcara dan halangan dalam aplikasi pengetahuan kesihatan pergigian di sekolah

Terdapat 10 soalan dalam tiga bahagian/seksyen yang perlu dijawab kesemuanya. Mohon beri maklum balas sejujur mungkin supaya pihak kami dapat menggunakan maklumat yang diperolehi supaya ianya dapat menambah baik perkhidmatan kami.

Segala maklumat yang telah di perolehi dari tuan/puan adalah rahsia/sulit.
Terima kasih kerana bekerjasama dan sudi mengambil bahagian dalam tinjauan yang dijalankan.

Jika ada sebarang kemusykilan atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Dr.:

No. Telefon:

Nama Guru :

Sekolah :

Umur :

Jantina : Lelaki / Perempuan

Nama IPGK :

Tahun Pengajian di IPGK:

Tempoh perkhidmatan di Kementerian Pendidikan Malaysia:

BAHAGIAN A:

PERSEPSI TENTANG PERANAN ANDA DALAM MEMPROMOSIKAN KESIHATAN PERGIGIAN DI SEKOLAH

NO	ITEM	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
A1	Penting bagi saya untuk mengesan kerosakan gigi dan masalah gusi pada murid-murid.				
A2	Bukan tugas saya untuk menyelia aktiviti memberus gigi kanak-kanak setiap hari semasa waktu persekolahan.				
A3	Menjadi tanggungjawab saya untuk memantau jenis makanan/ minuman yang dihidangkan kepada murid-murid.				
A4	Saya mesti menjadi contoh kepada murid-murid dengan mempunyai kesihatan gigi/ mulut yang baik.				
A5	Saya tidak sanggup untuk menerapkan mesej kesihatan pergigian dalam pengajaran sekerap yang mungkin.				
A6	Mempromosikan kesihatan pergigian adalah tanggungjawab pasukan pergigian sahaja.				

BAHAGIAN B

APLIKASI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KESIHATAN PERGIGIAN DI SEKOLAH.

Sila tandakan di jawapan yang berkenaan.

NO	ITEM															
BI	Penyataan Bagaimana anda mengaplikasikan pengetahuan kesihatan pergigian kepada murid sekolah? (Boleh pilih lebih dari satu jawapan) 1. Tidak pernah mengaplikasikan pengetahuan kesihatan pergigian kepada murid sekolah ☐ 2. Memberi nasihat individu mengenai kesihatan pergigian kepada murid secara berkala ☐ 3. Menerapkan mesej kesihatan pergigian dalam pelajaran harian ☐ 4. Lain-lain : Nyatakan Dalam tempoh selepas tamat pengajian di IPGK, pernahkah anda menjalankan mana-mana aktiviti berikut di sekolah:															
B2	(Sila Jawab 'Ya' atau 'Tidak' untuk setiap kenyataan di bawah). <table> <thead> <tr> <th></th> <th>Ya</th> <th>Tidak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Demonstrasi memberus gigi</td> <td>☐</td> <td>☐</td> </tr> <tr> <td>2. Latihan memberus gigi</td> <td>☐</td> <td>☐</td> </tr> <tr> <td>3. 'Role Play' (contoh : murid berlakon sebagai Doktor/ Jururawat/ Pesakit)</td> <td>☐</td> <td>☐</td> </tr> <tr> <td>4. Pemeriksaan mulut murid-murid</td> <td>☐</td> <td>☐</td> </tr> </tbody> </table>		Ya	Tidak	1. Demonstrasi memberus gigi	☐	☐	2. Latihan memberus gigi	☐	☐	3. 'Role Play' (contoh : murid berlakon sebagai Doktor/ Jururawat/ Pesakit)	☐	☐	4. Pemeriksaan mulut murid-murid	☐	☐
	Ya	Tidak														
1. Demonstrasi memberus gigi	☐	☐														
2. Latihan memberus gigi	☐	☐														
3. 'Role Play' (contoh : murid berlakon sebagai Doktor/ Jururawat/ Pesakit)	☐	☐														
4. Pemeriksaan mulut murid-murid	☐	☐														

BAHAGIAN C

PEMUDAHCARA DAN HALANGAN DALAM MENJALANKAN AKTIVITI KESIHATAN PERGIGIAN DI SEKOLAH

Sila tandakan di jawapan yang berkenaan.

NO	ITEM
C1	Apakah faktor yang mendorong anda menjalankan aktiviti kesihatan pergigian? (Boleh pilih lebih dari satu jawapan) 1. Minat terhadap kesihatan pergigian ☐ 2. Berasa bertanggungjawab untuk terlibat dalam aktiviti kesihatan pergigian ☐ 3. Lain-lain: Nyatakan: _____
C2	Apakah faktor yang menjadi halangan kepada anda daripada menjalankan aktiviti kesihatan pergigian? (Boleh pilih lebih dari satu jawapan) 1. Tidak berminat (nyatakan sebab tidak berminat) ☐ _____ 2. Berminat namun sibuk dengan tugas hakiki seorang guru ☐ 3. Berminat namun tiada ruang/peluang untuk menjalankan aktiviti kesihatan pergigian ☐ 4. Lain-lain faktor (Sila Nyatakan) ☐

SOALAN TAMAT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

ARAS 5, BLOK E10,
KOMPLEKS E, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA

e ISBN 978-629-98561-7-7



9 786299 856177